

11 JUL 1999

Mustapa-Kaset

NAMA SAYA TURUT DISEBUT UNTUK DIBUNUH, KATA MUSTAPA

BATU PAHAT, 11 Julai (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata namanya turut disebut antara pemimpin yang diarah dibunuh dalam kaset terbaru yang dikesan diedarkan oleh pihak-pihak tertentu kepada guru dan sekolah-sekolah.

"Saya sudah dengar sebahagian kaset itu dan termasuk dalam senarai yang perlu dibunuh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Industri Kecil dan Sederhana di sini hari ini.

Beliau berkata arahan bunuh serta perkataan fitnah dan mencaci Sultan Kelantan yang terkandung dalam kaset berkenaan merupakan perbuatan melampau.

"Mereka sanggup menggunakan Al-Quran untuk menghalalkan perbuatan melampau termasuk mengarahkan pemimpin Umno dibunuh," kata Mustapa, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan.

Pengerusi Memerangi Fitnah dan Panel Peguam Umno, Datuk Ibrahim Ali hari ini mendedahkan satu lagi kaset didakwa mengandungi arahan membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mencaci peribadi Sultan Kelantan.

Kaset bertajuk SHIT itu dikatakan mengandungi ucapan seorang pemimpin pembangkang diselangselikan ayat Al-Quran, arahan membunuh Perdana menteri dan perkataan fitnah serta mencerca peribadi Sultan Kelantan ketika baginda masih menjadi Tengku Mahkota.

Mustapa berharap rakyat tidak terpengaruh dengan dakwah melampau yang dicipta oleh pihak tertentu seperti yang terkandung dalam kaset berkenaan kerana menurutnya, ia amat membahayakan.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Datuk Dr Harun Din dalam akhbar hari ini bahawa Perlis akan dibawa keluar dari Malaysia jika PAS dapat menawan negeri itu pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata ia menunjukkan PAS semakin tertekan untuk memancing undi rakyat.

Katanya, kenyataan Dr Harun Din bukan sahaja keterlaluan malah mendedahkan lagi pendekatan PAS yang memperjuangkan prinsip melampau.

Mustapa, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata PAS merupakan sebuah parti yang kecewa dan sanggup melakukan apa saja untuk memancing undi rakyat tanpa memperdulikan sejarah perpaduan bangsa Melayu ketika menentang Malayan Union dan semasa menuntut kemerdekaan.

"Saya yakin rakyat Malaysia cukup rasional dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang kerana jika itu berlaku, negara akan hancur dan rakyat berpecah belah," tegasnya.

Dr Harun Din berkata pemisahan akan dilakukan bagi membolehkan penubuhan sebuah negara Islan tulen yang merdeka.

-- BERNAMA

MKO RHM